

31 MAY 1996

Karpal-Cohens

LORRAINE DAN AARON COHEN MAHU TINGGAL DI M'SIA SEKETIKA

PULAU PINANG, 31 Mei (Bernama) -- Pasangan anak beranak rakyat New hukuman penjara seumur hidup terhadap kesalahan mengedar dadah meminta supaya mereka dibenarkan tinggal di Malaysia buat seketika sebelum pulang.

Lorraine Philis Cohen, 53, dan anak lelakinya, Aaron Shelton Cohen, 30, membuat permintaan itu melalui peguam Karpal Singh yang melawat mereka petang semalam.

Karpal berkata beliau berharap kerajaan akan membenarkan mereka pulang dengan sendiri tanpa "dihantar".

"Kedua-dua mereka telah menyesal dan telah menjalani hukuman di atas kesalahan mereka dan mereka tidak sepatutnya diberi malu dengan iringan pegawai-pegawai imigresen ke lapangan terbang untuk pulang ke tanah air mereka," kata beliau dalam satu kenyataan.

Pasangan anak beranak itu ditahan pada 9 Feb, 1985 di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas kerana disyaki terlibat dengan pengedaran dadah.

Lorraine telah dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi di sini pada 1 Sept, 1987 kerana kesalahan mengedar dadah heroin sebanyak 140.7gm manakala Aaron telah dihukum penjara seumur hidup dan enam rotan kerana memiliki 34.16gm dadah jenis yang sama.

Pada Ogos 1989, Mahkamah Agung meringankan hukuman mati Lorraine ke hukuman penjara seumur hidup selepas tuduhan dipindahkan daripada mengedar kepada memiliki.

Sabtu lepas, Lembaga Pengampunan Negeri mengumumkan yang kedua-dua mereka telah diberi keampunan dan dibenarkan pulang ke negara mereka. Mereka dijadualkan berlepas pada 29 Jun.

Karpal juga menyambut baik keputusan kerajaan membebaskan 39 rakyat Thai yang ditahan di seluruh negara dan menyifatkannya sebagai tanda persahabatan antara kedua-dua negara.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tindakan itu dan berkata imej Malaysia di luar negara sudah tentu akan meningkat dengan keputusan itu.

Karpal, yang juga Anggota Parlimen Jelutong, juga menggesa Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon memberi perhatian kepada aduan yang hakim-hakim Mahkamah Tinggi tidak diberi penghormatan yang sepatutnya apabila mereka menghadiri upacara perasmian Persidangan Dewan Negeri oleh Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir Isnin lepas.

Menurut beliau hakim-hakim itu "telah tidak diberi layanan yang sepatutnya dan ditinggal bersendirian sepanjang masa".

Kata beliau, di zaman ketika Dr Lim Chong Eu menjadi Ketua Menteri para hakim dilayan mengikut protokol, dengan kehormatan setaraf dengan kedudukan mereka.

-- BERNAMA

RA WAT AHH